

Tunggakan RM50j: DBKL bertindak

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan mengambil tindakan termasuk merampas unit perumahan yang didapati masih enggan menjelaskan tunggakan mereka.

Tunggakan berkenaan meliputi sewa dan caj air bagi rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR), manakala bagi rumah yang dijual melibatkan yuran penyelenggaraan, faedah kelewatian, caj air serta caj pintu.

Hingga akhir Ogos lalu, jumlah tunggakan yang tukup berjumlah RM50,742,654 dan DBKL akan menjalankan pengutipan secara berperingkat bermula dengan penghantaran notis tunggakan pada setiap unit

yang terbabit.

Menurut Datuk Bandar, Datuk Ab. Hakim Borhan, sikap penyewa yang sering melewatkhan bayaran sewa dan air serta kegagalan untuk menjadikan pembayaran sewa sebagai keutamaan menjadi punca peningkatan tunggakan.

"Terdapat juga penyewa yang menghadapi masalah kewangan peribadi yang juga antara faktor meningkatkan tunggakan terkumpul.

"Dari segi tunggakan pembeli rumah pula, sikap yang hanya mahukan perkhidmatan yang baik sebelum menjelaskan tunggakan serta ketidakpuasan hati terhadap perkhidmatan yang diberikan menjadi antara punca

masalah tunggakan," uanya pada program Datuk Bandar bersama Media di sini semalam.

Bagi penyewa atau pembeli unit PPR, Notis Tunggakan akan dikeluarkan sekiranya mereka mempunyai tunggakan selama dua bulan, manakala Notis Kunci Air akan dikeluarkan sekiranya mempunyai tunggakan lebih tiga bulan.

"Penyewa atau pembeli turut dibерikan peluang untuk menjelaskan tunggakan secara beransuran dan sekiranya masih gagal berbuat demikian, Notis Mengunci Pintu dan Notis Penamatkan Perjanjian akan menyebabkan unit kediaman dirampas," tegasnya.